

**HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN GURU DAN PERSEPSI
TERHADAP KANDUNGAN LAM DALAM PELAKSANAAN
PENGAJARAN BAHASA ARAB DI SABK**

***THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHER READINESS AND
PERCEPTION OF LAM CONTENT IN THE IMPLEMENTATION
OF ARABIC LANGUAGE TEACHING AT SABK***

Ummu'dhabitah Mohd Fadzir¹, Kamarulzaman Abdul Ghani² & Ahmad Abdul Rahman³

Kementerian Pendidikan Malaysia¹ & Universiti Malaysia Kelantan^{2,3}

kamarulzaman@umk.edu.my²

ABSTRACT

This study examines the relationship between teacher readiness and perception of the content of the Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah (LAM) subject in the implementation of Arabic language teaching in Government Aided Religious Schools (SABK) in Kelantan State. LAM is an important component of the Early Integrated Curriculum (KBD) which aims to improve comprehensive Arabic language proficiency. The study uses a quantitative survey design with a questionnaire as the main instrument, developed based on the CIPP Assessment Model and validated through a pilot study (Alpha Cronbach > 0.80). The study sample consisted of 210 LAM teachers from 21 SABKs who were selected through purposive or judgmental sampling. The data were analyzed using SPSS through descriptive statistics and Pearson Correlation inference. The findings show that the level of teacher readiness is high (mean=4.13), while the perception of the LAM content is at a moderately high level (mean=3.88). There is a positive and significant relationship between the two variables ($r=0.514$, $p<0.01$). The implications of the study emphasize the importance of continuous training and improvement of curriculum content to make it more relevant and practical to increase the effectiveness of LAM teaching.

Keywords: *Teacher Readiness, LAM, SABK, Arabic Language Teaching, LAM Content.*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara kesediaan guru dan persepsi terhadap kandungan mata pelajaran *Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) dalam pelaksanaan pengajaran bahasa Arab di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Kelantan. LAM merupakan komponen penting dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang menekankan penguasaan kemahiran asas bahasa Arab secara berstruktur dan komunikatif. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan, dengan pengumpulan data melalui soal selidik berstruktur yang dibina berasaskan Model Penilaian CIPP. Instrumen kajian disahkan oleh pakar dan diuji melalui kajian rintis yang mencatatkan nilai Alpha Cronbach melebihi 0.80, menandakan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Sampel kajian terdiri daripada 210 orang guru LAM dari 21 buah SABK yang dipilih secara persampelan bertujuan atau pertimbangan. Data dianalisis menggunakan SPSS dengan kaedah statistik deskriptif dan inferensi Korelasi Pearson. Dapatan menunjukkan tahap kesediaan guru adalah tinggi (min=4.13), manakala persepsi terhadap kandungan LAM berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.88), dan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ($r=0.514$, $p<0.01$). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembangunan profesionalisme guru dan penambahbaikan kandungan kurikulum secara kontekstual amat penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran LAM.

Kata kunci: *Kesediaan Guru, LAM, SABK, Pengajaran Bahasa Arab, Kandungan LAM.*

PENDAHULUAN

Mata pelajaran *Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) merupakan komponen utama dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang diperkenalkan secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2015 dan mula dilaksanakan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) secara berperingkat. LAM menekankan kemahiran asas bahasa Arab merangkumi aspek mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Peranan guru sebagai pelaksana utama kurikulum menjadi faktor penentu kejayaan pengajaran LAM. Justeru, kajian ini menumpukan kepada hubungan antara kesediaan guru dan persepsi mereka terhadap kandungan mata pelajaran LAM dalam pelaksanaan pengajaran di SABK Negeri Kelantan.

LAM digubal berdasarkan kerangka Kurikulum Azhari yang disesuaikan dengan keperluan tempatan dan bertujuan memperkasakan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid melalui pendekatan pembelajaran yang berstruktur dan komunikatif (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2019). Keberkesanan pelaksanaan kurikulum ini sangat bergantung kepada faktor pelaksana, iaitu guru, yang bukan sahaja perlu mempunyai kesediaan dari aspek ilmu dan kemahiran, tetapi juga perlu mempunyai persepsi positif terhadap kandungan kurikulum yang diajar. Persepsi guru boleh mempengaruhi cara pengajaran dan keberkesanan penyampaian ilmu (Maimun Aqsha Lubis et.al, 2014).

Kajian ini menjadi penting kerana ia mengisi kelompongan dalam penyelidikan yang mengkaji kesalinghubungan antara kesediaan guru dan persepsi mereka terhadap kandungan kurikulum dalam konteks pengajaran bahasa Arab di SABK. Penemuan ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pembuat dasar dan institusi latihan keguruan dalam menambah baik pelaksanaan LAM di peringkat sekolah menengah agama di Malaysia.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah agama di Malaysia telah menjadi isu berulang yang menuntut perhatian serius daripada pelbagai pihak, terutamanya pendidik dan pembuat dasar. Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bermula pada tahun 2015 merupakan langkah proaktif bagi memperkukuh sistem pendidikan agama dengan memasukkan mata pelajaran *Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) sebagai satu komponen penting. Matlamat kurikulum ini adalah untuk melahirkan generasi ulama dan agamawan yang cemerlang dari segi naqli dan 'aqli serta berkemahiran dalam bahasa Arab sebagai medium ilmu Islam (Bahagian Pendidikan Islam, 2015). Namun, dalam pelaksanaannya, kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid terus menjadi cabaran yang membimbangkan (Maimun Aqsha Lubis, 2014; Abdul Razif, 2015).

Dalam konteks ini, guru memainkan peranan yang sangat signifikan sebagai pelaksana kurikulum. Kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru serta persepsi mereka terhadap kandungan mata pelajaran yang diajar memberikan impak langsung kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Fariah Hussain, 2019; Samah & Isahak, 2024). Hal ini turut disokong oleh dapatan daripada Bahagian Pendidikan Islam (2017), yang menunjukkan bahawa pengajaran guru LAM di SABK kurang menyeronokkan, tidak menekankan kemahiran bahasa secara spesifik, serta kurang menggunakan pendekatan yang pelbagai. Oleh itu, kajian ini

menfokuskan hubungan antara kesediaan guru dan persepsi mereka terhadap kandungan LAM sebagai dua faktor penting yang dapat mempengaruhi keberkesanan pengajaran bahasa Arab dalam kalangan guru dini di SABK.

Bagi menganalisis isu ini, kajian ini menggunakan Model Penilaian CIPP yang dikemukakan oleh Stufflebeam (1971) sebagai kerangka konsep utama. Model ini menekankan empat elemen penting iaitu *Context*, *Input*, *Process*, dan *Product*, namun kajian ini menumpukan kepada dua aspek utama: Input (kesediaan guru dan persepsi terhadap kandungan LAM) dan Process (kaedah dan teknik pelaksanaan pengajaran). Model ini sesuai kerana ia menilai keberkesanan program pendidikan dari segi perancangan, pelaksanaan dan hasilnya secara menyeluruh dan sistematik (Stufflebeam et al., 1971). Model CIPP telah terbukti berkesan dalam pelbagai kajian pendidikan di Malaysia yang ingin menilai atau menambah baik keberkesanan pelaksanaan kurikulum (Kamarulzaman et al., 2018).

Kajian lepas menunjukkan bahawa kesediaan guru memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Menurut Norazizah dan Khairul Farhah (2022), tahap kesediaan guru dalam aspek perancangan dan pelaksanaan pengajaran adalah faktor utama dalam menentukan pencapaian murid. Guru yang bersedia bukan sahaja dapat mengurus strategi PdPc dengan baik tetapi juga lebih mudah menyesuaikan diri dengan perubahan kandungan kurikulum seperti Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Hal ini disokong oleh Holt et al. (2013) yang menyatakan bahawa kesediaan seseorang individu untuk melaksanakan perubahan berkait rapat dengan kepercayaannya terhadap organisasi dan dirinya sendiri. Dalam konteks pengajaran LAM, kesediaan guru untuk menguasai dan menyampaikan kandungan secara berkesan akan mempengaruhi keberhasilan pelaksanaan kurikulum tersebut.

Dalam aspek persepsi guru terhadap kandungan kurikulum, beberapa kajian mendapati bahawa tanggapan guru terhadap sukatan pelajaran, buku teks dan sistem pentaksiran mempunyai hubungan langsung dengan gaya pengajaran yang dipilih serta minat mereka terhadap mata pelajaran yang diajar. Norfaezah (2015) menyatakan bahawa persepsi guru terhadap kandungan kurikulum boleh mempengaruhi tahap motivasi mereka dalam menyampaikan pelajaran. Persepsi negatif terhadap bahan kurikulum seperti buku teks atau kandungan yang dianggap terlalu sukar akan menjejaskan kualiti pengajaran, sekali gus mengurangkan keberkesanan pembelajaran murid. Dalam hal ini, guru yang merasakan kandungan LAM kurang sesuai atau tidak relevan akan kurang berminat untuk memperkayakan aktiviti pengajaran mereka.

Selain itu, kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan guru turut dipengaruhi oleh tahap kesediaan dan persepsi mereka terhadap kandungan. Kajian oleh Maimun Aqsha Lubis et al. (2014) menunjukkan bahawa kebanyakan guru bahasa Arab masih menggunakan kaedah tradisional seperti syarahan dan terjemahan teks, manakala penggunaan teknik pengajaran berpusatkan murid dan aktiviti berinteraktif adalah terhad. Samah dan Isahak (2024) pula menekankan bahawa kaedah pengajaran yang tidak responsif kepada keperluan murid menyebabkan mereka pasif dan kurang keyakinan untuk menggunakan bahasa Arab secara aktif dalam kelas. Oleh itu, teknik pengajaran yang pelbagai serta penggunaan BBM yang berkesan adalah penting bagi memastikan pengajaran LAM lebih menarik dan menyeronokkan.

Tambahan pula, model teori CIPP yang digunakan dalam kajian ini turut dijadikan asas dalam beberapa kajian lepas. Model ini terbukti berkesan dalam menilai aspek pelaksanaan kurikulum, terutamanya dalam meneliti input (seperti kesediaan guru) dan proses (seperti kaedah

dan teknik pengajaran) (Santiyadnya, 2020). Stufflebeam et al. (1971) menjelaskan bahawa model ini membantu penyelidik mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program pendidikan melalui pendekatan sistematik. Kamarulzaman et al. (2018) turut menggunakan model ini untuk menilai pelaksanaan kurikulum agama di SABK dan mendapati bahawa kekurangan dari segi input seperti latihan guru dan bahan pengajaran memberi kesan kepada keberkesanan pelaksanaan kurikulum. Ini menunjukkan kesesuaian model CIPP dalam menilai hubungan antara kesediaan guru dan persepsi terhadap kandungan LAM dalam konteks SABK.

Pelaksanaan mata pelajaran *Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) bertujuan untuk memperkukuh penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar SABK melalui pendekatan komunikatif dan berstruktur (Fatin Hamimah et.al 2022). Namun, setelah hampir sedekad pelaksanaannya, kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid masih membelenggu sistem pendidikan agama, sekali gus menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan pelaksanaan kurikulum tersebut.

Latar belakang kajian ini menegaskan bahawa keberhasilan pengajaran tidak hanya bergantung pada kandungan kurikulum semata-mata, sebaliknya bergantung besar kepada faktor pelaksana, iaitu guru. Kesediaan guru dari aspek ilmu, kemahiran dan sikap serta persepsi mereka terhadap kandungan kurikulum terbukti memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan keberkesanan pengajaran. Guru yang bersedia dan mempunyai tanggapan positif terhadap kurikulum cenderung melaksanakan pengajaran yang lebih bermakna, menyeronokkan dan berkesan.

Kajian terdahulu menunjukkan masih wujud kekangan dalam aspek pengajaran guru, khususnya dalam penggunaan pendekatan yang pelbagai, kesesuaian bahan pengajaran serta keupayaan guru menyesuaikan diri dengan perubahan kurikulum. Persepsi guru terhadap sukatan pelajaran, buku teks dan sistem pentaksiran LAM juga memberi kesan langsung terhadap motivasi dan teknik pengajaran yang digunakan. Oleh itu, penting untuk menilai secara menyeluruh hubungan antara kesediaan guru dan persepsi mereka terhadap kandungan LAM dalam konteks SABK, agar kelemahan dalam pelaksanaan pengajaran dapat dikenalpasti dan ditangani secara holistik.

Melalui kerangka Model Penilaian CIPP yang memberi fokus kepada input dan proses, kajian ini berhasrat memberikan sumbangan penting dalam memahami cabaran pelaksanaan kurikulum secara lebih mendalam. Rumusan ini menekankan keperluan untuk memperkukuh latihan guru, memperbaiki bahan kurikulum serta merangka pendekatan pedagogi yang lebih responsif, kontekstual dan dinamik dalam usaha memartabatkan pengajaran bahasa Arab dalam sistem pendidikan Islam negara.

PERNYATAAN MASALAH

Walaupun pelaksanaan LAM telah memasuki dekad pertamanya, isu berkaitan kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid masih berlarutan. Faktor utama yang dikenal pasti termasuklah tahap kesediaan guru dan persepsi mereka terhadap kandungan mata pelajaran. Dapatan awal kajian mendapati persepsi guru terhadap sukatan pelajaran dan buku teks LAM masih berada pada tahap sederhana tinggi, manakala kesediaan guru pula berada pada tahap tinggi. Namun, sejauh mana hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini memberi kesan kepada keberkesanan pelaksanaan pengajaran masih kurang diteliti secara mendalam dalam konteks SABK Negeri Kelantan (Ummu'dhabithah, 2025).

Walaupun Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) diperkenalkan bagi memperkasakan pendidikan agama dengan memasukkan subjek *Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) sejak 2015, penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap yang lemah. Kajian terdahulu seperti oleh Abdul Razif (2015) dan Maimun Aqsha Lubis (2015) menunjukkan kelemahan pelajar dalam aspek kosa kata dan kefahaman teks Arab, yang memberi kesan terhadap pencapaian mereka dalam pelbagai mata pelajaran agama. Tambahan pula, pelaksanaan perubahan kurikulum menuntut penyesuaian bukan sahaja dari sudut bahan pengajaran, tetapi juga tahap kesiediaan guru sebagai pelaksana utama (Sufean Hussin, 2002; Zul Izuddin Suhaimi & Kama Shaffeei, 2023, Suhid, 2021). Justeru, satu isu kritikal yang timbul ialah sama ada guru LAM di SABK benar-benar bersedia dan bagaimana persepsi mereka terhadap kandungan LAM mempengaruhi pelaksanaan pengajaran.

Pelbagai kajian menunjukkan bahawa peranan guru dalam pelaksanaan kurikulum amat signifikan, khususnya apabila berlaku pembaharuan. Namun begitu, dalam konteks pelaksanaan LAM, terdapat laporan bahawa guru kurang menggunakan teknik pengajaran pelbagai serta kurang memanfaatkan bahan bantu mengajar (Bahagian Pendidikan Islam, 2017; Rosni Samah, 2012). Persepsi guru terhadap kandungan kurikulum seperti sukatan pelajaran, buku teks dan bentuk pentaksiran turut mempengaruhi keberkesanan pengajaran mereka (Norfaezah, 2015). Dalam hal ini, sikap negatif atau kurang keyakinan terhadap bahan pengajaran LAM boleh menghalang kreativiti guru dalam penyampaian ilmu. Oleh itu, adalah penting untuk menilai hubungan antara tahap kesiediaan guru dan persepsi mereka terhadap kandungan LAM bagi memahami faktor dalaman yang mempengaruhi pengajaran secara menyeluruh.

Kelemahan pelaksanaan kurikulum tidak semata-mata berpunca daripada pelajar atau kandungan semata, sebaliknya perlu dilihat secara holistik termasuk dari sudut input pelaksana iaitu guru. Model CIPP yang digunakan dalam kajian ini menekankan pentingnya menilai input (kesediaan guru) dan proses (persepsi terhadap kandungan LAM) bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan pendidikan. Kajian Kamarulzaman et al. (2015; 2018) dan Fariyah Hussain (2019) menekankan bahawa sokongan guru, persepsi terhadap kandungan dan pendekatan pengajaran mempunyai korelasi langsung dengan keberkesanan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Oleh itu, wujud keperluan yang mendesak untuk mengkaji hubungan antara dua aspek utama iaitu kesiediaan guru dan persepsi terhadap kandungan adalah bagi memastikan pelaksanaan pengajaran LAM di SABK benar-benar selaras dengan matlamat asal KBD.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk mengenal pasti hubungan antara kesiediaan guru dan persepsi mereka terhadap kandungan mata pelajaran *Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) dalam pelaksanaan pengajaran bahasa Arab di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Kelantan. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kuantitatif berbentuk tinjauan, memfokuskan kepada pengumpulan data melalui soal selidik secara berstruktur. Lokasi kajian adalah di 21 buah SABK di seluruh negeri Kelantan, yang menawarkan mata pelajaran LAM di bawah Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang dibina berdasarkan elemen Model Penilaian CIPP (Stufflebeam, 2003) yang merangkumi komponen input dan proses. Soal selidik dibahagikan kepada beberapa bahagian yang melibatkan kesiediaan guru, persepsi guru terhadap kandungan LAM, serta aspek persekitaran dan pedagogi. Bagi memastikan kesahan instrumen, penilaian dilakukan oleh tiga orang pakar dalam bidang pendidikan Islam dan bahasa

Arab. Kebolehpercayaan instrumen pula diuji melalui kajian rintis melibatkan 30 orang guru LAM di luar kawasan kajian sebenar, dan nilai Alpha Cronbach yang diperoleh melebihi 0.80 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Chua, 2014; Azizi Yahaya et al., 2016).

Populasi kajian terdiri daripada semua guru LAM yang mengajar di SABK Negeri Kelantan, dan teknik persampelan bertujuan juga dikenali sebagai persampelan pertimbangan atau persampelan terpilih digunakan. Teknik ini sering digunakan apabila populasi yang dikaji adalah terlalu kecil, terlalu sukar untuk diakses atau terlalu heterogen untuk menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian (Campbell et al., 2020). Teknik ini dipilih bagi memilih 210 responden yang memenuhi kriteria sebagai guru tetap dan berpengalaman dalam pengajaran LAM. Data dikumpulkan melalui edaran borang soal selidik secara bersemuka dan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Analisis deskriptif digunakan bagi melihat min dan sisihan piawai, manakala analisis inferensi Korelasi Pearson digunakan bagi menilai hubungan antara pemboleh ubah utama kajian, iaitu kesediaan guru dan persepsi terhadap kandungan LAM (Majid Konting, 2005; Ummu'dhabithah, 2025).

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada hubungan antara kesediaan guru dan persepsi terhadap kandungan mata pelajaran LAM dalam pelaksanaan pengajaran bahasa Arab di SABK. Dapatan diperoleh melalui analisis deskriptif terhadap pemboleh ubah utama dan disusuli dengan analisis inferensi untuk menilai hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut.

Kesediaan Guru dalam pelaksanaan pengajaran LAM berdasarkan dapatan deskriptif, tahap kesediaan guru adalah tinggi dengan min keseluruhan sebanyak 4.13 dan sisihan piawai 0.42 (Jadual 1). Ini menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai tahap komitmen, persediaan bahan, dan kefahaman terhadap objektif pengajaran yang baik sebelum melaksanakan PdP LAM. Aspek-aspek yang menyumbang kepada tahap ini termasuklah kesediaan merancang strategi pengajaran, penggunaan teknik yang pelbagai, serta pelaksanaan aktiviti yang menarik perhatian murid.

Persepsi Guru terhadap kandungan mata pelajaran LAM bagi pemboleh ubah persepsi guru terhadap kandungan LAM yang merangkumi tiga konstruk utama iaitu sukatan pelajaran LAM (min = 3.79), buku teks LAM (min = 4.00) dan pentaksiran LAM (min = 3.85) (Jadual 1), adalah pada kategori sederhana tinggi dengan min keseluruhan 3.88 dan sisihan piawai 0.44. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru cenderung melihat kandungan LAM sebagai relevan namun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam aspek kesesuaian bahan dengan tahap pelajar serta keberkesanan sistem pentaksiran.

Jadual 1: Nilai min dan sisihan piawai pemboleh-pemboleh ubah kajian

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai
Kesediaan Guru	4.13	0.42
Sukatan Pelajaran	3.79	0.42
Buku Teks	4.00	0.57
Pentaksiran	3.85	0.33

Ujian Korelasi Pearson bagi menganalisis hubungan antara tahap kesediaan guru dan persepsi terhadap kandungan LAM, ujian korelasi Pearson digunakan. Keputusan analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut iaitu $r = 0.514$, $p < 0.01$.

Jadual 2: Analisis Korelasi Pearson antara Kesiediaan Guru dan Persepsi terhadap Kandungan

Pemboleh Ubah 1	Pemboleh Ubah 2	Pekali Korelasi (r)	Signifikan (p)
Kesiediaan Guru	Persepsi terhadap Kandungan Mata Pelajaran LAM	0.514	< 0.01

Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi kesiediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran, semakin positif persepsi mereka terhadap kandungan mata pelajaran LAM. Dapatan ini memberi implikasi bahawa latihan, pendedahan, dan kesiediaan profesional guru berperanan penting dalam membentuk sikap dan pandangan yang positif terhadap kandungan kurikulum LAM.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesiediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran *Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) berada pada tahap tinggi, manakala persepsi guru terhadap kandungan kurikulum LAM pula berada pada tahap sederhana tinggi. Wujud juga hubungan positif yang signifikan antara kesiediaan guru dan persepsi guru terhadap kandungan kurikulum tersebut. Perbincangan ini akan mengupas dapatan ini secara kritikal dengan mengaitkannya kepada pernyataan masalah, teori serta kajian-kajian terdahulu.

Pertama sekali, tahap kesiediaan guru yang tinggi dalam kajian ini mengesahkan bahawa guru di SABK Negeri Kelantan memiliki sikap profesional dalam melaksanakan tugas mereka walaupun menghadapi cabaran kurikulum baharu. Ini selari dengan dapatan Mat Taib Pa (2016) yang menegaskan bahawa keberkesanan pengajaran banyak bergantung kepada persediaan guru. Kesiediaan yang tinggi juga menggambarkan kesungguhan guru dalam memahami keperluan KBD untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi naqli dan 'aqli, sebagaimana objektif besar KBD (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015).

Walau bagaimanapun, persepsi guru terhadap kandungan kurikulum LAM hanya berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam aspek sukatan pelajaran, buku teks, dan sistem pentaksiran. Seperti yang dinyatakan dalam pernyataan masalah, perubahan kurikulum sering membawa cabaran dalam kefahaman dan penerimaan guru (Sufean Hussin, 2002). Persepsi sederhana ini mungkin berpunca daripada faktor seperti aras kesukaran kandungan yang masih tinggi bagi sesetengah murid (Yah Alias & Maimun Aqsha Lubis, 2018), reka bentuk buku teks yang masih kurang kontekstual (Bahagian Pendidikan Islam, 2017), serta pentaksiran yang terlalu berfokuskan teori tanpa menilai aspek kemahiran berbahasa sebenar.

Penemuan ini juga disokong oleh kajian Maimun Aqsha Lubis (2015) yang mendapati bahawa kelemahan dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar berkait rapat dengan kekurangan pendekatan praktikal dalam kurikulum. Dalam konteks ini, persepsi guru terhadap kandungan kurikulum yang sederhana menunjukkan bahawa walaupun kurikulum LAM telah melalui banyak pembaikan, ia masih belum sepenuhnya berjaya memenuhi keperluan pembelajaran berasaskan kemahiran murid di Malaysia.

Lebih menarik, dapatan kajian ini menunjukkan hubungan positif dan signifikan antara kesiediaan guru dan persepsi terhadap kurikulum. Ini mengukuhkan teori bahawa guru yang bersedia dengan baik bukan sahaja mampu mengajar dengan lebih berkesan, tetapi juga akan lebih cenderung untuk menilai kurikulum secara positif (Stufflebeam, 1971). Hubungan ini konsisten

dengan Model Penilaian CIPP yang digunakan dalam kajian, di mana penilaian input (kesediaan guru) memberi kesan langsung kepada persepsi terhadap proses pengajaran dan kandungan kurikulum.

Selain itu, dapatan ini memperkuat kenyataan oleh Gamal, Salwa & Alif (2015) bahawa sikap guru yang positif terhadap inovasi kurikulum berkait rapat dengan tahap kesediaan profesionalisme mereka. Guru yang sentiasa mempertingkatkan diri melalui latihan dan pembangunan profesional akan lebih mudah menerima pembaharuan kurikulum dan mengaplikasikannya secara efektif dalam bilik darjah.

Namun begitu, dalam konteks persekitaran pembelajaran bahasa Arab, dapatan ini menampakkan bahawa faktor persekitaran luaran seperti infrastruktur sekolah dan biah lughawiyah yang sederhana turut mempengaruhi persepsi guru. Kamarulzaman et al. (2018) menunjukkan bahawa prasarana dan komunikasi bahasa Arab yang sederhana di SABK menjadi penghalang kepada keberkesanan pelaksanaan KBD. Keadaan ini mungkin menyebabkan guru sukar untuk merealisasikan sepenuhnya objektif kurikulum LAM, sekaligus mengekang persepsi positif mereka.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mendukung sebahagian besar penemuan kajian-kajian lepas, khususnya berkaitan pentingnya kesediaan guru sebagai pemangkin kepada penerimaan dan kejayaan pelaksanaan kurikulum baru. Namun pada masa sama, ia turut mendedahkan keperluan untuk memperkuat aspek kandungan kurikulum, penyediaan bahan bantu mengajar, persekitaran pembelajaran, serta sistem sokongan latihan berterusan untuk guru. Bagi mencapai matlamat pelaksanaan LAM yang lebih cemerlang, beberapa tindakan disyorkan berdasarkan perbincangan ini: (1) meningkatkan kualiti sukatan pelajaran agar lebih kontekstual dan relevan, (2) memperbanyakkan latihan berbentuk aplikasi dan praktikal untuk guru LAM, serta (3) mewujudkan persekitaran bahasa Arab yang kondusif di sekolah, termasuk penggunaan bahasa Arab secara aktif dalam aktiviti harian murid dan guru. Penambahbaikan dalam aspek-aspek ini penting agar perubahan kurikulum tidak hanya berlaku di atas kertas, tetapi benar-benar diterjemahkan dalam bilik darjah melalui kesediaan dan persepsi positif guru.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini telah memberi gambaran yang jelas tentang hubungan antara kesediaan guru dan persepsi terhadap kandungan kurikulum LAM dalam memantapkan pelaksanaan pengajaran di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Kelantan. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa guru-guru memiliki tahap kesediaan yang tinggi untuk melaksanakan pengajaran LAM, manakala persepsi terhadap kandungan kurikulum berada pada tahap sederhana tinggi. Terdapat hubungan positif dan signifikan antara kesediaan guru dan persepsi mereka terhadap kandungan kurikulum, membuktikan bahawa faktor kesediaan memainkan peranan penting dalam membentuk penerimaan dan keberkesanan pelaksanaan kurikulum.

Implikasi utama kajian ini menunjukkan bahawa kesediaan guru tidak boleh dipandang ringan dalam sebarang usaha pembaharuan kurikulum. Guru yang bersedia dari aspek pengetahuan, kemahiran pedagogi, dan sikap profesional lebih cenderung untuk menerima dan melaksanakan kandungan kurikulum dengan efektif. Oleh itu, pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Islam (BPI), dan pentadbir sekolah perlu menyediakan program pembangunan profesionalisme guru secara berterusan, khususnya yang berfokus kepada pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan pengajaran bahasa Arab secara praktikal.

Selain itu, dapatan ini turut menekankan keperluan untuk memperkasa kandungan kurikulum LAM, terutamanya dalam memperkembangkan sukatan pelajaran, memperkaya bahan bantu mengajar, serta memperbaiki sistem pentaksiran agar lebih holistik dan menyokong perkembangan empat kemahiran bahasa. Kandungan kurikulum yang lebih praktikal, relevan dan kontekstual akan meningkatkan keyakinan guru dalam melaksanakan pengajaran serta mendorong penglibatan aktif murid dalam bilik darjah.

Dari sudut lain, persekitaran pembelajaran turut perlu ditingkatkan. Kewujudan biah lughawiyyah yang kondusif di sekolah akan mengukuhkan lagi keberkesanan pengajaran bahasa Arab, membentuk iklim pembelajaran yang positif serta mendorong pembelajaran secara berkesan di luar bilik darjah.

Pentadbir SABK juga disaran mengambil langkah proaktif dengan menyediakan ruang pembangunan profesional yang berterusan seperti bengkel pengajaran LAM, bimbingan rakan sekerja, dan pemantauan berfokus kepada strategi PdP berkesan. Pentadbir juga boleh memperkukuh peranan komuniti pembelajaran profesional (PLC) agar guru LAM dapat berkongsi cabaran dan amalan terbaik dalam pengajaran harian mereka.

Di samping itu, pentadbir perlu meneliti semula jadual waktu PdP agar memberi ruang yang mencukupi bagi penggunaan kaedah interaktif, serta memastikan bahan bantu mengajar dan persekitaran bahasa disediakan secara sistematik. Langkah seperti menyediakan sudut bahasa Arab, memperbanyak bahan visual dan menyokong penyertaan guru dalam latihan lanjutan juga dapat memperkukuh keupayaan guru serta mewujudkan ekosistem PdP LAM yang lebih kondusif dan berkesan.

Sebagai rumusan, kejayaan pelaksanaan mata pelajaran *Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) tidak hanya bergantung kepada dasar dan kurikulum yang dirangka, tetapi juga sangat bergantung kepada kesiediaan guru sebagai pelaksana, kualiti kandungan kurikulum, dan persekitaran sokongan yang kondusif. Kajian ini menggariskan bahawa peningkatan profesionalisme guru, penambahbaikan kurikulum, dan pengukuhan persekitaran bahasa Arab adalah langkah strategik yang mesti diberi keutamaan untuk memastikan pelaksanaan pengajaran LAM benar-benar mencapai objektif melahirkan murid yang cemerlang dari segi ilmu naqli dan 'aqli.

Kajian ini juga membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang boleh meneliti aspek lain seperti keberkesanan pendekatan pedagogi guru, penggunaan teknologi dalam pengajaran LAM, dan kesan persekitaran sekolah terhadap motivasi pembelajaran bahasa Arab. Dengan pendekatan penyelidikan yang berterusan dan dinamik, pelaksanaan KBD dapat terus diperkasa ke arah kecemerlangan pendidikan Islam di Malaysia.

PENUTUP

Kajian ini membuktikan bahawa tahap kesiediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran *Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) di SABK Negeri Kelantan adalah tinggi, manakala persepsi terhadap kandungan kurikulum berada pada tahap sederhana tinggi. Terdapat hubungan positif yang signifikan antara kesiediaan guru dan persepsi terhadap kandungan kurikulum, sekali gus menegaskan bahawa kesiediaan guru merupakan faktor kritikal dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan kurikulum LAM. Implikasi utama kajian ini menggariskan keperluan untuk memperkukuh program pembangunan profesional guru serta memperkembangkan kandungan kurikulum dan bahan bantu mengajar agar lebih relevan dengan keperluan pembelajaran murid.

Di samping itu, usaha mempertingkatkan persekitaran pembelajaran bahasa Arab seperti memperkukuh biah lughawiyah di sekolah turut perlu diberi perhatian. Kejayaan pelaksanaan kurikulum bukan sahaja terletak pada kualiti dokumen kurikulum itu sendiri, tetapi bergantung kuat kepada kesiapsiagaan guru sebagai pelaksana utama serta sokongan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Kajian ini diharap menjadi asas kepada usaha penambahbaikan berterusan dalam memperkasa pendidikan Islam dan bahasa Arab di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini. (2015). *Penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat kolej universiti*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Azizi Yahaya, Dk Zainab Pg Haji Tuah, Baharudin Arus & Ismail Ibrahim. (2016). *Menguasai SPSS Dengan Mudah*. Brunei: UNISSA Press.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan pentaksiran, Bahagian pendidikan Islam*.
- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015), *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini*.
- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Laporan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Campbell, S., Greenwood, M., Prior, S., Shearer, T., Walkem, K., Young, S., & Walker, K. (2020). Purposive sampling: complex or simple? Research case examples. *Journal of Research in Nursing*, 25(8), 652-661. (PDF) *Teknik Persampelan & Penentuan Saiz Sampel bagi Penyelidikan Sains Sosial*. Available from: [https://www.researchgate.net/publication/384055348 Teknik Persampelan Penentuan Saiz Sampel bagi Penyelidikan Sains Sosial](https://www.researchgate.net/publication/384055348_Teknik_Persampelan_Penentuan_Saiz_Sampel_bagi_Penyelidikan_Sains_Sosial).
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. McGraw Hill Education.
- Fatin Hamimah Rosli, Harun Baharudin, Noorazi Rani. (2022). Persekitaran Bahasa dan Keterlibatan Pelajar SABK Selangor dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Akademika*. 92. doi.org/10.17576/akad-2022-92IK1-12.
- Fariyah Hussain. (2019). *Efikasi Kendiri Guru Dalam Pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle, Aliff Nawawi (2015). Kajian Amalan Pengajaran Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam. *The Online Journal of Islamic Education*. January 2015, Vol.3 Issue 1.
- Holt, D.T., Armenakis, A.A., Field, H.S. & Harris, S.G. (2013). Readiness for organizational change. *Journal of Applied Behavioral Science*, 43(2):232-255. From [https://www.researchgate.net/publication/211381460 Creating Readiness for Organizational Change](https://www.researchgate.net/publication/211381460_Creating_Readiness_for_Organizational_Change).
- Kamarulzaman Abdul Ghani & Belal Adnan Kabalan. 2015. Tadris al-Mawad al-Diniyyah bi al-Lughah al-Thaniyah bi Wasitah Namudzah CLIL fi Maliziya: al-Qadhaya wa al-Tahaddiyat. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*. 1(2) 2015, 60-72.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmed Thalal Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Mohd Aderi Che Noh, Muhd Zahiri Awang Mat, Zawawi Ismail, Azmil Hashim, Saifuddin Hussin, Rohaidi Habil & Siti Apipah Munirah Salleh. (2018). Persekitaran Bahasa Arab dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. Persekitaran Bahasa Arab dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*. Hlm 644 – 656.

- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2020). *Pengajaran Mata Pelajaran Agama Berasaskan Bahasa Arab dalam Kurikulum Bersepadu Dini*. Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pendidikan Dini Dan Tahfiz 2020.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shahrudin. (2014). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39 (1): 51-61.
- Maimun Aqsha Lubis. (2014). *Isu-isu Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah-sekolah Agama*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Maimun Aqsha Lubis. (2015). *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Peringkat Menengah Di Malaysia*. Proceeding the 8th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and Civilization.
- Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Taib Pa (2016), *Isu Pembelajaran Dan Pengajaran Nahu Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu dan Cara Menanganinya*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa Arab 2016 (PABA), ISBN 978-967-0380-88-9, 38-58.
- Norazizah Mohamed Norok & Khairul Farhah Khairuddin. (2022). Tahap Kesiapan Guru Terhadap Penggunaan Kaedah Bermain Sambil Belajar Bagi Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) Volume 7*, Issue 1, January 2022.
- Norfaezah, M. H. (2015). *Effective technique of teaching and learning Arabic Language in the classroom: A case study in selected national religious secondary schools (SMKA) in Selangor*. International Conference on Language, Literature, Culture and Education, 113-118.
- Samah, R., & Isahak, A. (2024). Cabaran Dan Solusi Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Challenges And Solutions Of Learning Arabic Language In Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(5), 13–21. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/1000>.
- Santiyadnya, N. (2020). The effectiveness of CIPP model's implementation in secondary school. *Journal of Physics: Conference Series*. 1810 (2021) 012071. doi:10.1088/1742-6596/1810/1/012071
- Stufflebeam, D. L. (2003). *The CIPP Model for Evaluation*. In T. Kellaghan & D. L. Stufflebeam (Eds.), International Handbook of Educational Evaluation. Kluwer Academic Publishers.
- Stufflebeam, Daniel L. (1971). The Relevance of the CIPP Evaluation Model for Educational Accountability. *Journal of Research and Development in Education*, page 19-25.
- Sufean Hussin. (2002). *Dasar pembangunan pendidikan Malaysia teori dan analisis*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhid, A., Naser, M., Ahmad, A., Abah, N., Jusoh, R., & Zaremohzzabieh, Z. (2021). Challenges and Readiness of Islamic Education Teachers in Innovative Teaching and Learning. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 9(2), 293-308. doi:10.26811/peuradeun.v9i2.588
- Ummu'dhabithah binti Fadzir. (2025). *Pelaksanaan Pengajaran Mata Pelajaran Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah (LAM) dalam Kalangan Guru Dini di SABK Negeri Kelantan*. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaysia Kelantan.
- Yah Alias, Mohd & Lubis, Maimun. (2018). Tahap Penggunaan Strategi Bacaan dalam Aktiviti Kefahaman Bacaan Teks Bahasa Arab. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 8. 49-57. 10.17576/JPEN-2018-43.03-06.
- Zul Izuddin Suhaimi, Kama Shaffeei. (2023) Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum Pengurusan Diri Sekolah Rendah Berasaskan Model Penilaian Konteks, Input, Proses dan Produk (KIPP). *Jurnal Dunia pendidikan*. Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris.